

Perkenal idea baharu selesai isu rakyat dalam kerangka Ekonomi MADANI

- Sudah tiba masa kerajaan memperkenalkan pelan, strategi atau hala tuju khusus kepada peningkatan kesejahteraan hidup rakyat dalam skala besar

- Dimensi baharu ini perlu fokus kepada bagaimana idea baharu dapat dilaksanakan untuk menyelesaikan dengan segera dan mampan masalah ekonomi dan kehidupan rakyat.



Felo Bersekutu Kanan, Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan (ECOFI), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my

Ekonomi Malaysia terus berkembang dengan baik pada 2024, bertumbuh 5.1 peratus disebabkan pertumbuhan ekonomi kukuh dan melebihi jangkaan pada suku keempat tahun lalu.

Dalam konteks keadaan ekonomi global yang tidak menentu serta risiko geopolitik berterusan, pertumbuhan ekonomi melebihi 5 peratus adalah satu prestasi baik dan membanggakan.

Sebagai negara sedang membangun, prestasi ekonomi Malaysia pada tahun lalu dan juga pada suku keempat 2024 adalah antara terbaik di dunia. Pada 2023, ekonomi Malaysia hanya bertumbuh pada kadar 3.6 peratus.

Walaupun betul, Malaysia sudah dilihat berada pada landasan ekonomi, ramai mengkritik kedudukan untuk mengukur prestasi ekonomi itu sendiri, iaitu matriks Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Tidak dinafikan kritikan ini mempunyai asas, namun data KDNK bukanlah satu ilusi atau angka tidak mempunyai makna.

Hakikatnya, jika nilai KDNK menguncup, sudah pasti ada antara kita akan kehilangan pekerjaan dan mata pencarian, perniagaan gulung tikar serta sukar meningkatkan upah atau keuntungan perniagaan sedia ada.

Jika nilai KDNK berada pada kedudukan negatif pada masa agak lama, misalnya melebihi dua atau tiga suku berturut-turut, standard kehidupan, kualiti hidup, kesejahteraan serta kebahagiaan rakyat juga akan turut terjejas.

Dengan penguncupan pada angka KDNK, hasil kerajaan juga akan merosot, sekali gus mengekang usaha atau perbelanjaan ke arah untuk membantu meningkatkan darjat kehidupan rakyat supaya lebih selesa dan bermaruah berbanding dengan sebelumnya.

Selain itu, kadar kemiskinan juga akan mengalami peningkatan.

Jika berlaku sebaliknya, iaitu nilai KDNK meningkat, sememangnya aktiviti ekonomi atau kapasiti sesebuah negara untuk melaksanakan aktiviti pengeluaran akan meningkat.

Akhirnya, perniagaan baharu akan dicipta, aktiviti pelaburan semakin lancar, pekerjaan baharu akan wujud, upah sedia ada serta keuntungan perniagaan akan meningkat serta perkhidmatan asas seperti hospital, sekolah serta jalan raya akan dibina.

Akhirnya, ramai akan keluar daripada kategori kemiskinan dalam apa jua dimensi dan definisi.

Oleh itu, apabila prestasi ekonomi Malaysia pada 2024 diumumkan pada kadar 5.1 peratus, ini satu kejayaan yang perlu diamati seluruh pelusuk rakyat Malaysia.

Ini bermaksud, dalam ekonomi negara, pelaburan yang direalisasikan semakin meningkat, rakyat ada wang untuk berbelanja serta aktiviti perniagaan semakin baik dengan membabitkan perniagaan eksport dan import yang agak padu.

Ia juga menggambarkan peluang pekerjaan telah dicipta, ada peningkatan dalam tingkat upah, terutama akibat banyak bentuk pelaburan diumumkan kerajaan telah dijalankan dan sudah dimulakan.

Selain itu, ia juga membuktikan ikhtiar kerajaan melalui Belanjaan 2024 dan pelaksanaan strategi serta projek di bawah kerangka Ekonomi MADANI membuahkan hasil.

Harga barangan keseluruhan tidak terlalu tinggi, tidak ramai rakyat tidak bekerja serta adanya peningkatan dalam permintaan terhadap pekerja dan bekalan tenaga kerja yang menggalakkan.

Kadar KDNK 5.1 peratus ini juga menunjukkan kerajaan secara aktif meneruskan perbelanjaan infrastruktur dan bukan infrastruktur yang akhirnya akan meningkatkan kapasiti ekonomi dan kesejahteraan hidup rakyat secara keseluruhan.

Nilai prestasi pelbagai sektor

Melalui data KDNK, kita boleh menilai prestasi ekonomi dalam pelbagai sektor, baik perkhidmatan, pembuatan, mahupun pembinaan.

Ini dapat dilihat dalam data KDNK Malaysia pada tahun lalu, ditambah lagi dengan aktiviti perbankan sihat serta keadaan kewangan dan monetari baik seperti kedudukan nilai ringgit agak stabil, kadar faedah kondusif serta kedudukan defisit kewangan negara semakin terurus.

Kesemua ini memberikan gambaran baik kepada pihak luar terhadap keadaan ekonomi Malaysia dan prospek pelabur dan perniagaan luar serta dalaman untuk meningkatkan lagi kegiatan ekonomi di Malaysia, terutama pada tahun ini.

Oleh itu, walaupun tahun ini keadaan ekonomi global dilihat lebih mencabar dengan ketidakpastian dasar ekonomi Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, terutama dengan dasar tarif beliau dan kemunculan tinda balas akan berlaku, pertumbuhan KDNK lima peratus ini memberikan asas kukuh kepada ekonomi Malaysia untuk mendepani ketidakpastian ekonomi global.

Oleh itu, sasaran ekonomi Malaysia untuk bertumbuh pada kadar hampir 5 peratus pada tahun ini bukanlah mustahil untuk dicapai.

Namun, setiap kali data KDNK diumumkan, rakyat sering bertanya-tanya, apakah makna data ini kepada kehidupan mereka? Kenapa ramai antara kita tidak berasa kehidupan lebih baik setiap kali data KDNK lebih baik diumumkan?

Soalan ini memang sukar untuk dijawab kerana ia membabitkan persepsi setiap individu yang agak subjektif.

Mungkin juga tidak semua yang dapat menerima manfaatnya secara terus seperti bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) atau manfaat jangka panjang seperti pembinaan infrastruktur baharu, yang mungkin juga tidak semua akan menikmatinya.

Isu kesenjangan juga perlu diambil kira. Begitu juga dari segi peningkatan gaji atau jenis peluang pekerjaan dicipta yang mungkin tidak membabitkan semua pihak.

Namun, kerajaan boleh melakukan sesuatu untuk memastikan kesemua rakyat Malaysia boleh menerima manfaat secara langsung hasil daripada data KDNK bertambah baik pada ketika ini dan masa hadapan.

Dengan hasil negara semakin meningkat akibat peningkatan dalam KDNK, apatah lagi defisit negara semakin berkurangan serta dasar penyasaran subsidi sedang berjalan, sudah tiba masa kerajaan menambah dimensi baharu dalam kerangka Ekonomi MADANI itu sendiri.

Sudah tiba masa kerajaan memperkenalkan sebuah pelan, strategi atau hala tuju khusus kepada peningkatan dalam kesejahteraan hidup rakyat.

Pelan, strategi atau hala tuju ini perlu mempunyai skala besar, sama seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) atau Strategi Semikonduktor Nasional (NSS).

Dimensi baharu ini perlu fokus kepada bagaimana idea baharu dapat dilaksanakan untuk menyelesaikan dengan segera dan mampan masalah ekonomi dan kehidupan rakyat.

Ia seperti peningkatan dalam kos sara hidup, pekerjaan tidak setaraf dengan kelayakan, perlindungan sosial, kos kehidupan hari tua, sistem pencen, gaji sejangat serta perkhidmatan asas sejangat berkaitan dengan adaptasi terhadap krisis iklim.

Akhirnya, data ekonomi seperti KDNK bukan sahaja perlu difahami dengan betul, tetapi juga perlu dirasakan segenap lapisan masyarakat tanpa ada sesiapa dipinggirkan.

